




ENAKMEN BIODIVERSITI SABAH 2000

**Disampaikan oleh
Nurul Ezza Binti Mausar
JPBNS**



Enakmen Biodiversiti Sabah 2000

- Suatu Enakmen untuk menubuhkan Majlis Biodiversiti Sabah dan Pusat Biodiversiti Sabah.
 - Terdiri daripada 37 seksyen.
 - Berkuat kuasa pada 01.05.2002.
- 

Tafsiran

- “**biodiversiti**” ertinya kepelbagaian biologi, iaitu perubahan di kalangan organisma yang hidup daripada semua sumber, termasuklah **bahan-bahan tumbuhan, daratan, marin dan ekosistem akuatik** yang lain dan kumpulan **ekologi** yang mereka adalah sebahagian daripadanya, dan kepelbagaian dalam spesis, di antara spesis dan ekosistem, dan termasuklah sumber-sumber biologi. (s.2)

Seksyen 3(2) - Penubuhan Majlis Biodiversiti Sabah

- Ahli-ahli Majlis terdiri daripada –
 - (a) Pengerusi SKN;
 - (b) Peguam Besar atau wakil silih gantinya;
 - (c) Setiausaha Hasil Bumi atau wakil silih gantinya;
 - (d) Ketua Konservator atau wakil silih gantinya;
 - (e) Pengarah Taman-Taman Sabah atau wakil silih gantinya;
 - (f) Pengarah Jabatan Hidupan Liar atau wakil silih gantinya;
 - (g) Pengarah Jabatan Perlindungan Alam Sekitar atau wakil silih gantinya;
 - (h) Pengarah Sumber Air atau wakil silih gantinya;
 - (i) Pengarah Jabatan Pertanian atau wakil silih gantinya;
 - (j) Pengarah Jabatan Perikanan Sabah atau wakil silih gantinya;
 - (k) Tidak lebih 5 ahli lain yang hendaklah daripada orang-orang yang mempunyai pengalaman dan kepakaran yang luas dalam biodiversiti, pemeliharaan dan pengurusan dan semuanya hendaklah dilantik oleh Menteri.

Seksyen 3A – Fungsi Majlis Biodiversiti

- Fungsi Majlis adalah di bawah s.3A –
 - (a) menasihati Kerajaan Negeri mengenai perkara-perkara berkaitan dengan pemuliharaan dan penggunaan berterusan sumber biologi atau pengetahuan yang berkaitan;
 - (b) Untuk memberi nasihat mengenai pengukuhan pengurusan sumber biologi atau pengetahuan yang berkaitan;
 - (c) Untuk memantau dasar Negeri berkaitan dengan bioteknologi dan penerapan bioteknologi;
 - (d) Menyelaras aktiviti tempatan, negeri dan kebangsaan berhubung dengan pemuliharaan, penyelidikan dan penggunaan berterusan sumber biologi atau pengetahuan yang berkaitan dan biodiversiti;

Sambungan....

- (e) Menyelaras penyediaan aktiviti serantau dan antarabangsa berkaitan dengan pemuliharaan, penyelidikan dan penggunaan berterusan sumber biologi atau pengetahuan yang berkaitan dan biodiversiti;
- (f) Untuk menyokong peruntukan faedah yang adil dan saksama bagi akses dan perkongsian faedah berkaitan dengan sumber biologi atau pengetahuan yang berkaitan;
- (g) Untuk menyokong undang2 adat dan amalan masyarakat anak negeri dan masyarakat tempatan, dan pembangunan protokol dan tatacara komuniti oleh masyarakat anak negeri dan masyarakat tempatan, mengikut mana-mana yang berkenaan.
- (h) Untuk meluluskan dan mengeluarkan lesen akses dan pindahmilik lesen;

Sambungan...

► Fungsi –

- (i) Untuk mengawal selia akses kepada sumber biologi atau pengetahuan yang berkaitan Negeri termasuklah pengalihan mana-mana biodiversiti daripada Negeri;
- (j) Untuk mengurus Pusat Biodiversiti atau untuk melantik mana-mana orang atau badan untuk mengurus Pusat Biodiversiti bagi pihaknya;
- (k) Untuk menerima derma, pemberian, hadiah harta alih atau tak alih daripada mana-mana sumber atau untuk meningkatkan wang melalui apa-apa cara yang sah; dan
- (l) Untuk melakukan apa-apa perkara yang disifatkannya sesuai untuk membolehkannya melaksanakan fungsi dan kuasanya secara berkesan atau yang bersampingan dengan pelaksanaan fungsi dan kuasanya.



Seksyen 4 – Tempoh Jawatan dan Kelayakan untuk dilantik semula

- ▶ Tiap-tiap Majlis hendaklah melainkan dia meletakkan jawatan lebih awal atau pelantikannya dibatalkan, memegang jawatan bagi tempoh tidak melebihi 3 tahun dan hendaklah layak untuk dilantik semula.

Seksyen 5 (1) - Hilang kelayakan daripada keahlian

- ▶ Ahli yang telah dilantik tidak layak kekal sebagai ahli jika –
 - (a) Orang yang tidak waras atau selainnya tidak boleh melaksanakan tugasnya;
 - (b) Orang yang dilarang daripada menjadi pengarah syarikat di bawah peruntukan mana-mana undang-undang bertulis berhubung dengan syarikat;
 - (c) Orang yang telah disabitkan dengan apa-apa kesalahan melibatkan fraud, ketidakjujuran atau keburukan moral; atau
 - (d) Orang bankrap atau yang membuat pengaturannya dengan pemiutangnya.

Seksyen 5(2) - Hilang kelayakan daripada keahlian

- Seseorang ahli Majlis yang dilantik hendaklah disifatkan mengosongkan jawatannya:
 - (a) Atas kematiannya;
 - (b) Atas perletakan jawatannya;
 - (c) Atas kegagalan untuk menghadiri tiga kali berturut-turut mesyuarat Majlis tanpa kebenaran daripada Menteri; atau
 - (d) Jika dia tidak layak untuk menjadi ahli di bawah ss.(1).

Seksyen 6 - Memanggil Mesyuarat, Korum, Pengundian, Prosedur dan Minit

- Majlis hendaklah bermesyuarat sekali selama setiap 4 bulan bagi tahun itu dan sebagai tambahan bermesyuarat jika dan apabila dipengerusikan oleh Pengerusi.
- 7 orang ahli hendaklah menjadi korum pada mana-mana mesyuarat Majlis yang mana dua daripada ahli tersebut adalah ahli yang dilantik dalam perenggan 3(2)k.
- Keputusan hendaklah diambil dengan undian majoriti ahli yang hadir.



Seksyen 7 – Mempengerusikan Mesyuarat Majlis

- ▶ Semua mesyuarat Majlis hendaklah dipengerusikan oleh Pengerusi Majlis. Jika disebabkan ketiadaan Pengerusi Majlis, ahli yang hadir hendaklah memilih seorang daripada kalangan mereka untuk mempengerusikan mesyuarat tersebut.

Seksyen 8 – Kuasa-Kuasa Majlis

► Kuasa-kuasa Majlis adalah diperuntukkan di bawah s.8 berikut:

- (1) Untuk meluluskan dan mengeluarkan lesen akses sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis;
- (2) Untuk mengawalselia akses kepada sumber-sumber biologi Negeri termasuklah pengalihan biodiversiti daripada Negeri;
- (3) Untuk mengurus Pusat Biodiversiti atau untuk melantik mana-mana orang atau badab untuk mengurus Pusat Biodiversiti bagi pihaknya;
- (4) Untuk menerima derma, pemberian, hadiah harta alih atau tak alih daripada mana-mana sumber atau untuk meningkatkan wang melalui apa-apa cara yang sah; dan
- (5) Apa-apa kuasa lain sebagaimana yang diperuntukkan kepada Majlis oleh Menteri.

Seksyen 9 - Pusat Biodiversiti Sabah

- ▶ Pusat Biodiversiti Sabah ditubuhkan di bawah s.9 Enakmen yang diurus dan diselenggara oleh Majlis.



Seksyen 12 - Perwakilan Kuasa, Fungsi dan Tugas

- ▶ Majlis boleh mewakilkan kepada mana-mana ahli atau Pegerusi Majlis atau setiausaha semua atau apa-apa kuasa, fungsi dan tugas yang terletak pada Majlis kecuali untuk membuat perundangan subsidiari.

Seksyen 14 - Tabung Pusat Biodiversiti

- ▶ Tabung Pusat Biodiversiti ditubuhkan di bawah s.14 Enakmen yang mengandungi sejumlah wang yang diperuntukkan oleh DUN; pemberian daripada Kerajaan Persekutuan; derma dan sumbangan oleh badan berkanun, badan korporat, orang usahasama atau individu; dan pungutan daripada orang awam.

Seksyen 15 - Lesen akses

- ▶ Mana-mana pemungut yang berhasrat untuk mendapatkan akses kepada sumber-sumber biologi hendaklah memohon secara bertulis kepada Majlis untuk lesen akses.
- ▶ Tidak terpakai kepada pegawai awam yang mendapatkan akses kepada sumber biologi sebagai sebahagian daripada tugas dan tanggungjawab mereka dalam organisasi.
- ▶ Walaubagaimanapun, Majlis boleh atas permohonan mengecualikan individu, institusi akademik atau penyelidikan daripada permohonan akses untuk menjalankan apa-apa akademik tulen dan penyelidikan yang tidak berorientasikan keuntungan daripada prosedur permohonan akses.


Seksyen 16 - Permohonan lesen akses

- ▶ Permohonan lesen akses hendaklah berkenaan akses sumber biologi yang ditemui di atas tanah negeri; mana-mana rizab, tanah adat anak negeri atau apa-apa tanah lain di mana masyarakat asli atau tempatan menjalankan asas masyarakat atau hak-hak adat; dan mana-mana kawasan lain, termasuk sungai, anak sungai, terusan atau kawasan yang diliputi air, taman marin atau sempadan perairan Negeri dan hendaklah termasuk apa-apa pungutan *ex situ* yang diselenggara oleh Negeri.



Seksyen 24A – Perjanjian Perkongasian Faedah

- ▶ Bagi maksud komersial atau komersial berpotensi hendaklah membuat perjanjian perkongasian faedah dengan pemberi sumber.



Seksyen 24B – Kehendak Keizinan termaklum awal dan terma dipersetujui bersama sdb.

- ▶ Hendaklah didapatkan sebelum apa-apa akses dibuat.
- ▶ Keizinan daripada masyarakat anak negeri atau masyarakat tempatan.

Seksyen 26 – Bentuk-Bentuk Kesalahan

- (a) menyalahi peruntukan-peruntukan Enakmen ini melibatkan, menjalankan, atau mengusahakan apa-apa aktiviti mengakses tanpa mempunyai lesen akses;
- (b) gagal untuk memberikan atau dengan sengaja menyembunyikan apa-apa maklumat yang dikehendaki di bawah peruntukan Enakmen ini; dan
- (c) mengalihkan apa-apa sumber biologi atau pengetahuan yang berkaitan keluar daripada Negeri tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Majlis;
- (d) menerbitkan atau mengiklankan apa-apa sumber biologi atau pengetahuan yang berkaitan tanpa terlebih dahulu mendapatkan kelulusan bertulis daripada Majlis.

Mana-mana orang yang melakukan kesalahan di bawah seksyen 26 ini, apabila disabitkan, boleh **dikenakan denda tidak kurang daripada RM30,000 dan tidak lebih RM100,000 atau penjara tidak kurang 6 bulan dan tidak lebih 5 tahun atau kedua-duanya.**

► Contoh Soalan

Siri II 2014, 2016 Siri I, 2015 Siri II

Dengan merujuk kepada Enakmen Biodiveriti Sabah 2000

- (a) apakah bentuk-bentuk kesalahan dan hukuman yang boleh dikenakan di bawah Enakmen ini?
- (b) apakah yang anda faham dengan istilah biodiversiti.

2014 Siri I

Apakah yang anda faham mengenai fungsi-fungsi Majlis Biodiversiti Sabah di bawah Enakmen Biodiversiti Sabah 2000?

2015 Siri I, 2016 Siri II

Merujuk kepada Enakmen Biodiversiti Sabah 2000, siapakah ahli-ahli Majlis Biodiversiti Sabah dan bagaimanakah seseorang ahli boleh hilang kelayakan menjadi ahli Majlis Biodiversiti Sabah.